



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; MERAIH KEBERKATAN DALAM BERSEDEKAH



ISLAMIC SAVOIR - OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





“MERAIH KEBERKATAN DALAM BERSEDEKAH”.1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: إِنْ تَبَدُّوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَّكُمْ وَيُكَفِّرُ عَنْكُم مِّن سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ.	
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.	3
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾	4
Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.	5
Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk “MERAIH KEBERKATAN DALAM BERSEDEKAH”.	6



Antara amalan yang paling mudah dilakukan dengan mendapat ganjaran yang amat besar di sisi Allah SWT ialah amalan bersedekah. Sedekah secara umumnya terbahagi kepada dua. Ada yang bersifat sunat dan ada yang bersifat fardu. Sedekah yang fardu itu kita kenali sebagai zakat, suatu kewajipan yang jika ditunaikan, akan membersihkan harta dan menyucikan jiwa kita.

Manakala sedekah sunat pula adalah amalan yang terbuka luas pintu-pintunya, boleh dilakukan bila-bila masa tanpa terikat dengan masa mahupun kadar tertentu. Dalam banyak jenis sedekah, terdapat satu bentuk sedekah yang sangat istimewa iaitu sedekah jariah. Dinamakan sedekah jariah kerana ganjarannya tidak berhenti mengalir, walaupun si penyumbang telah meninggal dunia. Selagi ada manfaat kepada manusia, selagi itulah pahalanya terus mengalir kepada si penyumbang.

7

Para ulama seperti yang dinyatakan dalam *al-Qamus al-Fiqhi*, menyamakan sedekah jariah ini dengan amalan wakaf berdasarkan beberapa hadis Nabi SAW. Antara bentuk sedekah jariah termasuklah pembinaan masjid dan surau, mewakafkan Al-Quran dan buku-buku ilmiah, membina prasarana awam, menyumbang kepada pendidikan yang memberi manfaat berpanjangan kepada umat dan seumpamanya.

Begitulah maksud sedekah yang memberi gambaran bahawa setiap pemberian yang dilakukan dengan ikhlas, merupakan lambang ketulusan iman seorang mukmin dalam usahanya meraih keredaan Allah SWT. Apatah lagi jika sedekah itu dilakukan tanpa pengetahuan sesiapa, hanya antara dia dan Allah SWT, tanpa riyak, tanpa sanjungan, semata-mata mengharapkan ganjaran di sisi Allah SWT.

8



Allah SWT berfirman dalam surah Al-Baqarah ayat 271 yang bermaksud:

“Jika kamu memperlihatkan sedekah kamu (secara terang), maka perbuatan yang demikian itu baik (untuk dijadikan contoh). Namun jika kamu menyembunyikannya dan sedekah itu kamu berikan kepada orang fakir, maka menyembunyikannya itu lebih baik bagi kamu. Dengan berbuat demikian Allah akan menghapuskan sebahagian daripada kesalahan kamu (dosa) dan Allah mengetahui apa-apa yang kamu lakukan.”

9

Dalam Al-Quran, Allah SWT menggambarkan keindahan dan kemuliaan orang yang bersedekah sepertimana firman-Nya dalam surah Al-Baqarah ayat 274 yang bermaksud:

“Mereka yang menafkahkan hartanya pada waktu malam dan siang, sama ada secara bersembunyi mahupun terang-terangan akan mendapat pahala di sisi Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka. Sesungguhnya mereka tidak bimbang dan tidak pula bersedih hati”.

10

Ayat ini menjelaskan bahawa Allah SWT sentiasa membuka ruang seluas-luasnya kepada sesiapa sahaja untuk berinfaq dan bersedekah, tidak kira sama ada siang atau malam, secara sembunyi atau terang-terangan, dalam kesusahan atau kemewahan, asalkan dilakukan dengan ikhlas, pasti Allah SWT tidak akan mensiasikannya. Bahkan, Allah SWT akan mengangkat segala bentuk kebimbangan dan kesedihan kita serta menggantikan segala kesenangan dunia yang tidak sempat diraih dengan sesuatu yang jauh lebih baik dan kekal.

11



Antara kelebihan bersedekah dan berinfaq ini sebenarnya mampu menghapuskan dosa, mengangkat bala, mencegah kematian yang buruk serta memperoleh keberkatan hidup di dunia dan di akhirat.	12
Hadis yang diriwayatkan daripada Muaz Bin Jabal <i>Radiallahuanhu</i> bahawa Rasulullah SAW bersabda: وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ	13
"Sedekah itu memadamkan dosa sebagaimana air memadamkan api." (Riwayat al-Tirmizi).	14
Hadis ini sangat mendalam ungkapannya. Imam al-Mula Ali al-Qari menjelaskan bahawa maksud sedekah 'memadam dosa' adalah ia menghapuskan dosa dan menghilangkan kesan-kesannya, seolah-olah tidak pernah wujud. Bayangkan api yang menyala marak tetapi apabila disiram dengan air, ia lenyap serta-merta. Begitulah kuatnya kesan sedekah dalam memadamkan dosa-dosa yang pernah dilakukan.	15
Dalam hadis lain yang diriwayatkan daripada Anas bin Malik <i>Radiallahuanhu</i> bahawa Rasulullah SAW bersabda: الصَّدَقَةُ تُطْفِئُ غَضَبَ الرَّبِّ وَتَدْفَعُ مِيتَةَ السُّوءِ.	16



"Sedekah itu memadamkan kemurkaan Tuhan dan menolak kematian yang buruk."

(Riwayat Ibnu Hibban).

17

Betapa besar rahmat Allah SWT kepada mereka yang ringan tangan dalam bersedekah. Sedekah bukan setakat menjadi penghalang kepada musibah yang tidak disangka-sangka, bahkan menjadi sebab selamatnya seseorang daripada *su'ul khatimah*, iaitu kematian dalam keadaan yang hina.

"Tidak ada suatu hari pun yang dilalui oleh hamba-hamba (Allah) pada waktu pagi melainkan dua malaikat turun, lalu salah seorang daripada mereka berkata: 'Ya Allah, berikanlah gantian kepada orang yang berinfak (membelanjakan hartanya di jalan Allah).' Dan yang satu lagi berkata: 'Ya Allah, timpakanlah kebinasaan kepada orang yang kedekut (menahan hartanya).'"

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

18

Betapa besar rahmat Allah SWT kepada mereka yang ringan tangan dalam bersedekah. Sedekah bukan setakat menjadi penghalang kepada musibah yang tidak disangka-sangka, bahkan menjadi sebab selamatnya seseorang daripada *su'ul khatimah*, iaitu kematian dalam keadaan yang hina.

"Tidak ada suatu hari pun yang dilalui oleh hamba-hamba (Allah) pada waktu pagi melainkan dua malaikat turun, lalu salah seorang daripada mereka berkata: 'Ya Allah, berikanlah gantian kepada orang yang berinfak (membelanjakan hartanya di jalan Allah).' Dan yang satu lagi berkata: 'Ya Allah, timpakanlah kebinasaan kepada orang yang kedekut (menahan hartanya).'"

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

19



Dalam kita menekankan kelebihan dan ganjaran besar bagi mereka yang berinfaq di jalan Allah SWT, janganlah kita lupa bahawa terdapat segelintir individu dan organisasi yang menyalah gunakan kepercayaan umat Islam terhadap amalan sedekah dan wakaf ini. Lebih mendukacitakan, ada dalam kalangan mereka yang menggunakan imej agama dengan penampilan dan pakaian, namun hakikatnya menggunakan kutipan sumbangan secara tidak telus dan tidak bertanggungjawab. Kita pernah mendengar kisah tabung wakaf Al-Quran yang diedarkan di kedai-kedai atau di restoran, namun mushafnya tidak pernah sampai ke destinasi yang dijanjikan.

Ada juga kutipan atas nama wakaf kerusi roda, tetapi akhirnya tidak jelas siapa penerimanya dan ke mana perginya kerusi roda tersebut. Malah, ada pihak yang mengutip derma atas nama sumbangan kepada maahad tahfiz, dengan alasan untuk kebajikan pelajar-pelajar tahfiz, tetapi dana tersebut digunakan untuk perbelanjaan peribadi atau perniagaan keluarga sendiri. Penyelewengan yang berlaku seperti ini amat serius dan merupakan satu bentuk penipuan atas nama agama yang bukan sahaja mencemarkan imej Islam, malah boleh mengundang kemurkaan Allah SWT.



Justeru, tuan-tuan para dermawan perlu berhati-hati dan memastikan setiap sumbangan disalurkan kepada pihak yang benar-benar amanah dan berdaftar, manakala pihak masjid serta institusi agama mesti proaktif dalam mendidik masyarakat dan menangani gejala penipuan bertopengkan kebajikan ini. Bagi mengelakkan penipuan dan penyelewengan sebegini daripada berleluasa, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah diberikan tanggungjawab besar untuk menjaga kebajikan sosial dan ekonomi umat Islam di negeri ini. Segala perkara yang melibatkan manfaat dan faedah umat Islam termasuklah kutipan derma, wakaf, khairat dan seumpamanya mestilah mendapat kebenaran MAIS. Ini bagi memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam setiap sen dan ringgit yang didermakan oleh umat Islam dapat dimanfaatkan sebaiknya.

21

Oleh itu, para jemaah sekalian, sekiranya ada yang terdengar seruan-seruan untuk menyumbang, pastikan dahulu kesahihan pihak yang mengutip, dan rujuk kepada pihak berkuasa agama. Jangan biarkan keikhlasan kita dipergunakan oleh pihak yang mengambil kesempatan atas nama agama.

Di Negeri Selangor, umat Islam telah disediakan tiga saluran utama yang sah dan diyakini untuk menyalurkan infak dan sumbangan masing-masing. Pertama, pembayaran zakat boleh disalurkan melalui Lembaga Zakat Selangor (LZS), iaitu badan rasmi yang menguruskan kutipan dan agihan zakat secara telus dan tersusun. Kedua, bagi tuan-tuan yang ingin berwakaf, bolehlah menyalurkan sumbangan tersebut melalui Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) yang mengurus dan membangunkan harta wakaf demi manfaat berpanjangan buat umat Islam. Dan ketiga, bagi yang ingin berinfaq atau bersedekah, bolehlah disalurkan melalui Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI).

22



Sekiranya ada dalam kalangan tuan-tuan yang mengenal pasti pihak atau golongan tertentu yang layak menerima bantuan berbentuk sumbangan atau infak, maka usulkanlah kepada pihak berkuasa agama untuk diteliti dan disalurkan melalui saluran yang sah. Jangan sampai niat baik kita untuk membantu, akhirnya tersasar ke tempat yang salah, atau digunakan untuk tujuan yang tidak dapat ditanggungjawabkan. Semoga setiap sumbangan dan wakaf yang kita tunaikan diterima Allah SWT sebagai amal jariah yang berkekalan.

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan pedoman dalam kehidupan kita iaitu:

1. Umat Islam mestilah berwaspada agar tidak terpedaya dengan kutipan derma yang meragukan dan tidak sah. Salurkanlah infak kepada badan-badan yang sah dan diyakini.
2. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa amalan bersedekah mampu menghapuskan dosa, menghindarkan bala dan kemurkaan Allah SWT serta mendapat doa khusus daripada malaikat.
3. Umat Islam hendaklah memahami bahawa bersedekah adalah amalan yang membawa keberkatan dan ganjaran yang besar di sisi Allah SWT. Ia akan memberi pahala berterusan selagi mana manfaatnya berpanjangan.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ الْمُصَّدِّقِينَ وَالْمُصَّدِّقَاتِ وَأَقْرَضُوا اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا يُضَاعَفُ لَهُمْ
وَلَهُمْ أَجْرٌ كَرِيمٌ.

"Dan sesungguhnya orang yang bersedekah baik lelaki mahupun perempuan dan meminjamkan kepada Allah dengan pinjaman yang baik, akan dilipatgandakan balasannya bagi mereka dan mereka akan mendapat pahala yang mulia."

(Surah Al-Hadid: 18).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
7	اَللّٰهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
8	اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،



جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُور، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	9
اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُور، تَغْكُو اَمِير شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،	10
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُؤَظَّفَيْنِ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	11
Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan maksiat, rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.	12



Kurniakanlah kepada kami pemimpin yang amanah, jujur dan tegas dalam menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.	13
Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahatan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	
Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuanhum</i> serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾	20
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21